

POKB bantu Zafran sehingga sembuh

KUALA LUMPUR 19 April - Persatuan Orang Kota Bharu (POKB) hari ini menghulurkan bantuan dalam pelbagai aspek kepada Muhammad Zafran Armat untuk merawat penyakit kanser tulang yang dihadapinya sejak April tahun lalu.

Presiden POKB, Datuk Sheikh Ahmad Dusuki Sheikwh Mohamad berkata, pihaknya akan membantu Muhammad Zafran, 7, daripada aspek kebajikan, pendidikan dan rawatan sehingga dia sembuh.

“Kami telah menjadikan adik Zafran anak angkat POKB dan kali ini kami memberikan sumbangan sebanyak RM500 untuk menukarkan ‘chemo port’ lama di dadanya kepada yang baru.

“Kami akan terus memantau keadaan adik Zafran dan memenuhi keperluannya. Dalam masa yang sama, dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM) kami akan mewujudkan pembelajaran di rumah, khas untuk Zafran,” katanya ke-

pada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Sementara itu ibunya, Zaihasra Sahaari, 32, berkata, keadaan Muhammad Zafran sebelum ini baik tetapi baru-baru ini bengkak pada paha anaknya membesar secara mendadak.

Katanya, rawatan yang dijalani oleh Muahamad Zafran terhenti separuh jalan kerana kanser itu kecut namun tidak seperti yang diharapkan apabila kembali membengkak.



SHEIKH AHMAD DUSUKI SHEIKH MOHAMAD (kiri) menyampaikan sumbangan bantuan berupa cek kepada Muhammad Zafran yang mengidap penyakit kanser tulang sambil diperhatikan bapanya, Aman Mat Isa, (duduk dua kanan) dan ibunya, Zaihasra Sahaari di Taman Taming Jaya 3, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/AZLAN HADI ABU BAKAR